



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 4, August 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Hubungan Peranan Jurulatih dengan Interaksi Sosial di dalam Pendidikan Luar

Suhairullah Bin Omar Ramih¹, Roslee Bin Talip², Muhamad Suhaimi Bin Taat²

¹Pusat Kokurikulum Sabah, Jabatan Pendidikan Sabah

²Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Suhairullah Bin Omar Ramih (suhairullah@moe.gov.my)

Abstrak

Kajian yang dilakukan adalah bertujuan untuk melihat hubungan diantara peranan jurulatih dengan interaksi sosial dalam pendidikan luar. Seramai 113 responden telah terlibat di dalam kajian ini yang merupakan peserta yang hadir ke Pusat Kokurikulum Sabah. Kajian kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah disesuaikan dengan iklim pendidikan luar Pusat Kokurikulum Sabah. Dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi peranan jurulatih (4.40) dan interaksi sosial (4.23) mempunyai interpretasi pada tahap yang tinggi memandangkan ia berada dalam lingkungan nilai 4.01 hingga 5.00. Manakala hasil korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan ($r=0.524$, $k < 0.05$). Justeru, dapatan kajian ini telah membawa kepada dua perkara iaitu bahagian teori yang menyokong keselarian teori mengenai peranan jurulatih dalam mencorakkan interaksi sosial, memahami dan membantu peserta meneruskan misi atau hala tuju dalam menyelesaikan sesebuah perkara. Manakala bahagian praktikalnya menjelaskan bahawa kemampuan campur tangan jurulatih dalam sesebuah program pendidikan luar akan membawa corak interaksi sosial yang bersifat lebih baik berbanding tanpa bantuan jurulatih.

Kata kunci: peranan jurulatih, interaksi sosial, pendidikan luar

The Outdoor Trainer's Role and Social Interaction in Outdoor Education

Abstract

The study aimed to explore the relationship between the role of trainer and social interaction in outdoor education. A total of 113 respondents were involved in the study which were participants whose has been done outdoor education activities in the Sabah Co-Curriculum Center. This quantitative study uses questionnaires that have been adapted to the outdoor education system for Sabah Co-Curriculum Center. The findings show that mean values for the role of trainer (4.40) and social interaction (4.23) are interpreted at a high level as they are within the range of 4.01 to 5.00. Whereas the correlation results show a strong and significant positive relationship ($r = 0.524$, $k < 0.05$). Thus, the findings of this study have led to two things, namely, a theory-based section that supports the theory of trainer's role in shaping social interactions, understanding and helping participants continue their mission or direction in solving something. While the practical part explains that the ability of a coach to intervene in an outdoor education program brings about a better social interaction pattern than without the trainer's intervention.

Keywords: outdoor trainer's role, social interaction, outdoor education

Pengenalan

Kekuatan sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tidak akan mampu mengimbangi kekurangan elemen-elemen luar yang sepatutnya diperolehi oleh pelajar dalam mempelajari sesuatu perkara terutama sekali yang memerlukan pendekatan berbentuk fizikal seperti yang diterapkan didalam pendidikan jasmani (Muhammad Faizal, Faisol, Zulkifli, dan Shahril, 2014). Pelajar harus didedahkan sepenuhnya dengan keadaan yang mengandungi elemen-elemen yang mempunyai kebarangkalian berisiko ini agar mereka menjadi lebih bersedia dan matang bagi mengharungi sebarang cabaran yang mempunyai pelbagai kemungkinan tidak pasti (Ahmad, Jailani, dan Noraini, 2004; Mazuki, Md Amin, Jaffry, Benderi, dan Salwani, 2007; Muhammad Norazizuddin, 2014). Namun, dalam proses mendedahkan pembelajaran dan pengajaran yang mempunyai risiko-risiko sebenarnya ini, pelajar haruslah dididik tentang bagaimana mengatasinya dengan berpandukan sekurang-kurangnya kepada tunjuk ajar (tenaga pengajar) dan piawaian atau panduan yang ditetapkan (Hassan dan Raja Roslan, 2010; Noorasikin, Zainal Abidin, dan Halijah, 2018). Bagi tujuan ini, pendidikan luar merupakan wadah yang tepat dalam mengimbangi keadaan ini.

Pernyataan Masalah

Terdapat banyak kajian mengenai jurulatih sama ada dari segi kepimpinan, pengurusan, kompetensi, kebolehpercayaan dan lain-lain aspek mengenai kejurulatihan (Stevens, 2005; Anuar Din dan Salleh, 2006; Nelfianty, 2009; Mohd Faizal, Wan Shakirah dan Zulkiflee, 2013; Watkins, 2017). Namun, kajian mengenai guru yang diiktiraf khas oleh institusi khas (Kementerian Pendidikan) untuk menjadi jurulatih pendidikan luar di Pusat Kokurikulum masih agak kurang dilaksanakan. Guru dengan kemahiran khas ini memegang dua watak iaitu sebagai guru pelbagai opsyen yang diberikan berdasarkan ikhtisas masing-masing di sekolah dan menjadi jurulatih pendidikan luar apabila tiba di Pusat Kokurikulum atau dipanggil bertugas dengan menggunakan kapasiti jurulatih pendidikan luar oleh mana-mana institusi pendidikan yang memerlukan kepakaran dan khidmat jurulatih pendidikan luar. Pusat kokurikulum sering mengadakan program pendidikan luar di peringkat negeri dan kebangsaan, jurulatih akan dipanggil untuk hadir bertugas melaksanakan aktiviti pendidikan luar. Peserta yang hadir ke Pusat kokurikulum juga adalah dari kalangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah yang tidak mengenali jurulatih pendidikan luar yang berada di Pusat Kokurikulum, justeru, kajian akan melihat sama ada jurulatih mempunyai peranan di dalam interaksi sosial diantara peserta dengan peserta dan dengan jurulatih sendiri melalui persepsi pelajar itu sendiri keatas kebolehpercayaan, kompetensi dan seterusnya melihat bagaimana perlakuan jurulatih pendidikan luar Pusat Kokurikulum sebagai pendorong (*motivator*) yang mana kajian mengenainya masih agak kurang dilaksanakan (Roslee dan Muazzin, 2015; Husin, Megat Ahmad Kamaluddin, dan Rahmad Sukor, 2017; Nazarudin, Le, Noordin, Firdaus dan Yusof, 2017).

Objektif Kajian

Pengkaji meletakkan beberapa objektif utama yang ingin dikaji di dalam kajian ini. Objektif kajian ini menjelaskan arah tuju sebenar kajian yang dilaksanakan. Berikut merupakan objektif kajian yang akan dikaji oleh pengkaji:-

- i. Mengetahui peranan jurulatih mengenai pendidikan luar
- ii. Mengetahui tahap interaksi sosial pelajar didalam program pendidikan luar
- iii. Mengetahui hubungan antara peranan jurulatih dengan interaksi sosial peserta program pendidikan luar

Sorotan Literatur

Individu yang menjalankan tugas sebagai Jurulatih Pendidikan Luar harus mempunyai persediaan yang rapi dari segi fizikal dan mental dalam memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada peserta atau pelajar. Aktiviti pendidikan luar yang dilaksanakan mempunyai risiko yang tinggi seperti yang telah

dinyatakan lebih awal sebelum ini. Justeru, tugas jurulatih mencakupi segenap aspek dalam memberikan contoh terbaik kepada pelajar atau peserta program agar pelajar lebih berani dan yakin ketika menjalani aktiviti bersama dengan jurulatih. Mohd Faizal, Wan Shakirah, dan Zulkiflee (2013) menjelaskan bahawa kekuatan jurulatih dalam memberikan kefahaman menerusi kejelasan arahan dan penerangan, kemampuan menggalas pelbagai tugas dan ketepatan serta tahap campur tangan atau keterlibatan jurulatih dalam proses pembelajaran mampu mempengaruhi peserta program secara tidak langsung. Anuar dan Salleh (2006) juga mempunyai dapatan yang hampir menjurus kepada pemahaman bahawa jurulatih mampu mempengaruhi peserta. Dapatan kajian Anuar dan Salleh (2006) menunjukkan hubungan positif dan signifikan ($r=.586$, $p<.05$) diantara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet. Dalam hal ini, secara logic dapat dilihat jika, atlet tidak berpuas hati, ia seolah bermakna jurulatih gagal mempengaruhi atlet. Namun, jurulatih dalam kes ini berjaya mempengaruhi atlet memandangkan atlet berpuashati dengan jurulatih.

Frye (1963) telah lebih awal mengemukakan pendapat mengenai peranan jurulatih secara menyeluruh dalam mendorong peserta berdasarkan sesuatu keadaan seperti role model, pakar prosedur, penunjuk cara prosedur, penjelas prosedur, penetap standard, pengawal standard, penilai, pentafsir masalah, kaunselor, konsultant dan pensyarah. Frye (1963) telah menyediakan pecahan peranan yang banyak bagi peranan jurulatih mengikut situasi dan setiap peranan memegang fungsi yang berlainan sebagai contoh, bagi konsultant, jurulatih berperanan pada bahagian ini ketika proses pemindahan pengetahuan daripada latihan dilakukan. Namun, menurut Rourke (1973), peranan konsultant juga sebenarnya bergantung kepada tahap penglibatan sosial bersama dengan peserta selain daripada memberikan interpretasi atau komen mengenai sesuatu perkara. Rourke (1973) menjelaskan seolah-olah bahawa peranan jurulatih berfungsi dalam sesuatu keadaan sebagai konsultant yang lebih banyak bergaul (interaksi sosial) dengan peserta akan mampu memberikan cadangan lebih banyak dan bernilai berbanding jurulatih yang bertindak sebagai konsultant yang tidak begitu melibatkan diri dengan peserta. Keadaan ini dapat dilihat secara logik dari segi kemanusiaan dimana jurulatih yang bertindak sebagai konsultant juga mampu dipengaruhi oleh persekitarannya, justeru ia bertindak dan memberikan komen atau interpretasi berdasarkan kepada keadaan semasa (Wallick, 2001; Thomas, 2007; Jones dan George, 2015). Selain bertindak sebagai konsultant, jurulatih Pendidikan Luar juga dikategorikan boleh bertindak sebagai fasilitator dalam aktiviti yang dilaksanakannya.

Manakala Thomas (2010) menggunakan pendekatan Schwarz (2005) menjelaskan dalam kajian beliau mengenai menangani konflik peranan di dalam aktiviti pendidikan luar mengatakan individu yang terlibat bertugas dapat memecahkan kaedah penyelesaian sebarang masalah mengikut situasi dengan bertindak atau memainkan peranan sebagai jurulatih pemudahcara (coach), fasilitator, konsultant, pemimpin dan jurulatih berasaskan pengalaman dan kandungan pengajaran (trainer). Secara keseluruhannya, jurulatih bertindak memberikan dorongan dalam pelbagai bentuk sama ada dari segi penyampaian ilmu, pengalaman, teknik dan taktik, kata-kata semangat, garis panduan dan sebagainya sama ada mereka menggunakan pendekatan sebagai fasilitator, konsultant, pemberi motivasi, atau contoh ikutan (Royce Melton Frye, 1963; Thomas, 2010; Coe, 2016). Namun, untuk menjadi jurulatih pendidikan luar yang bukan sahaja sekadar memenuhi tuntutan objektif program, tetapi juga mempunyai hubungan yang baik dengan peserta sama ada dengan tujuan ketika program atau bagi jangka masa panjang, jurulatih perlu menggunakan mekanisme yang lebih teratur dan baik ketika menjadi agen interaksi sosial bagi mengambil hati peserta atau sekurang-kurangnya membuat persepsi peserta atau pelajar menjadi tinggi kepada keupayaan jurulatih dalam menjadi contoh atau pendorong kepada mereka.

Metod Kajian

Pendekatan kuantitatif digunakan bagi kajian ini memandangkan hubungan peranan jurulatih dengan interaksi sosial peserta program adalah suatu kajian yang berbentuk sains sosial, maka rekabentuk kajian adalah berbentuk bukan eksperimen (Chua, 2006). Pembolehubah kajian yang dijalankan tidak berada sepenuhnya dalam kawalan pengkaji dan ia melibatkan keadaan sebenar. Justeru itu, kajian ini memang bersesuaian dilaksanakan dalam bentuk bukan eksperimental. Pemilihan responden akan berasaskan kaedah rawak mudah. Hasil Statistik deskriptif digunakan bagi menjelaskan mengenai ciri-

ciri responden dengan berdasarkan kepada taburan kekerapan, peratus dan min. Manakala statistik inferensi akan digunakan bagi melihat hubungan yang wujud diantara kedua pembolehubah ini. Ujian korelasi pearson akan dijalankan untuk menjelaskan keadaan pembolehubah yang terlibat.

Dari segi instrumen kajian, pengkaji menggunakan kaedah borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih tanpa perubahan daripada responden sendiri. Instrumen kajian (soal selidik) telah diambil daripada beberapa sumber dan diubahsuai berdasarkan kesesuaian kajian. Antara sumber borang soal selidik yang digunakan bagi soalan peranan jurulatih adalah Chelladurai dan Saleh (1980), Adenan (1999), Anuar (2010), Roslee dan Muazzin (2016) dan Abdul Aziz (2005). Manakala bagi interaksi sosial, sumber soal selidik yang terlibat adalah berdasarkan sumber seperti Schutte *et al* (1998), Tapia, M (2001), dan Hamidah (2013). Kesahan dan kebolehpercayaan kajian telah dilakukan dan mendapati instrumen kajian secara keseluruhan melebihi nilai 0.8 bagi nilai alpha cronbach (kebolehpercayaan) dan Kaiser Mayer Olkin (KMO) (analisis faktor). Responden yang terlibat adalah daripada kawasan Pantai Barat Selatan sabah iaitu sebanyak 3 buah sekolah rendah dari daerah Kota Belud, sebuah sekolah rendah dari daerah Tuaran dan sebuah sekolah menengah dari daerah Kota Belud.

Dapatan Kajian

Sebanyak 130 soal selidik telah diedar kepada responden. Namun setelah disemak, hanya 113 borang soal selidik yang layak dianalisa memandangkan sebanyak 17 borang soal selidik tidak lengkap. Berdasarkan kepada data yang diperolehi, seramai 44 responden lelaki (38.9%) dan 69 orang responden perempuan (61.1%) yang terlibat di dalam kajian ini. Hal ini dapat dilihat menerusi jadual 1.1 dibawah.

Jadual 1.1: Jantina Responden

	Kekerapan	Peratus
Lelaki	44	38.9
Perempuan	69	61.1
Jumlah	113	100.0

Seterusnya dapat dilihat berdasarkan persepsi peserta program pada jadual 1.2 dibawah, nilai min yang diperolehi oleh peranan jurulatih adalah 4.4 dan nilai min yang diperolehi oleh interaksi sosial adalah 4.23. Bagi melihat interpretasi nilai min ini, Shaifuddin dan Norni (2018) menyediakan pentafsiran dengan berpandukan kepada Azhar (2006). Azhar (2006) membuat pengelasan interpretasi min kepada 4 peringkat iaitu 1.00 hingga 2.00 bertahap rendah, 2.01 hingga 3.00 bertahap sederhana rendah, 3.01 hingga 4.00 bertahap sederhana tinggi dan 4.01 hingga 5.00 bertahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi peranan jurulatih dan interaksi sosial berdasarkan kepada jadual 1.2 mempunyai interpretasi pada tahap yang tinggi memandangkan ia berada dalam lingkungan nilai 4.01 hingga 5.00.

Jadual 1.2: Nilai min pembolehubah

Item	N	Min	Sisihan Piawai
Peranan Jurulatih	113	4.40	0.35
Interaksi Sosial	113	4.23	0.48

Ujian lanjut seterusnya dilaksanakan bagi melihat hubungan diantara peranan jurulatih dan interaksi sosial di dalam pendidikan luar. Bagi tujuan ini, ujian korelasi dilaksanakan untuk melihat kekuatan dan bentuk korelasi yang terhasil sama ada ia bersifat positif atau negatif (Chua, Ferlis, dan Jasmine, 2016). Ujian korelasi pearson dilihat bersesuaian dilaksanakan memandangkan data bersifat selang disamping ia juga tertabur dengan normal. Bagi data yang tertabur secara normal, maka ujian bersifat parametrik sesuai dilakukan. Manakala bagi data bersifat non-parametrik, ujian korelasi kendall dan pangkat spearman lebih sesuai digunakan (Marshall, 2016). Cohen, Manion, dan Morrison (2007)

menggunakan pandangan Borg (1963) dan (2011) telah menjelaskan mengenai kekuatan pekali korelasi dan ditambah baik dengan dibahagikan kepada 5 bahagian serta dapat dijelaskan berdasarkan jadual dibawah.

Jadual 1.3 : Jadual Pekali Korelasi

Saiz pekali	Kekuatan korelasi
±.81 hingga 1.00	Sangat kuat
±.51 hingga .80	Kuat
±.31 hingga .50	Sederhana
±.21 hingga .30	Lemah
±.01 hingga .20	Sangat lemah

Sumber: Cohen, L., Manion, L., Morrison, K. (2007)

Merujuk kepada jadual 1.4, dapat dilihat nilai korelasi yang terhasil diantara peranan jurulatih dan interaksi sosial adalah bersamaan $r=0.524$, $k<0.05$. Hubungan yang terhasil ini bersifat positif dan signifikan pada ujian dua hujung serta menunjukkan ia mempunyai tahap korelasi yang kuat diantara kedua-dua pembolehubah. Dapatan yang terhasil ini menunjukkan bahawa peranan jurulatih seiring dengan interaksi sosial yang berlaku di kalangan peserta program dan ia menjelaskan bahawa semakin tinggi peranan jurulatih terlibat di dalam pendidikan luar, maka interaksi sosial diantara peserta program di dalam pendidikan luar semakin meningkat.

Jadual 1.4: Hubungan Korelasi Pembolehubah

		Peranan Jurulatih
Interaksi Sosial	Pearson Correlation	.524**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	113

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Perbincangan dan Implikasi

Tidak dapat dinafikan bahawa jurulatih memainkan peranan dalam mencorakkan sesuatu perkara di dalam sesebuah program atau latihan. Ia merupakan suatu keperluan untuk jurulatih terlibat dalam bidang-bidang yang memerlukan pembentukan corak dalam sesebuah perkara bagi mengatasi banyak kesilapan yang bakal berlaku. Dalam kes Pusat Kokurikulum negeri Sabah, guru-guru yang telah berkhidmat dan sah di dalam jawatan masing-masing dipanggil untuk menggalas tugas tambahan sebagai jurulatih Pusat Kokurikulum setelah diberi input tambahan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti berisiko tinggi. Jurulatih yang terdiri daripada guru-guru ini amat penting dalam mencorakkan interaksi sosial pada haluan yang tepat di Pusat kokurikulum dibawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia berbanding jurulatih yang bukan dari kalangan guru memandangkan jurulatih dari kalangan guru telah dilengkapi dengan ilmu pedagogi pendidikan yang bertujuan khusus untuk membentuk pelajar-pelajar dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa jurulatih pendidikan luar (guru) mempunyai peranan dalam mencorakkan bagaimana proses interaksi sosial berlaku diantara peserta dalam program yang dijalankan di Pusat Kokurikulum. Dapatan ini menyokong kajian Anuar dan Salleh (2006) yang menyatakan jurulatih mampu mempengaruhi peserta. Jurulatih Pusat Kokurikulum sangat berperanan dalam membentuk proses interaksi sosial pelajar (peserta program) yang bersesuaian dengan kehendak dan acuan yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kewujudan jurulatih dalam keadaan ini secara tidak langsung membantu melicinkan proses integrasi diantara kaum dan wilayah (kawasan-kawasan) yang terlibat melalui pertemuan peserta-peserta program yang hadir daripada sekolah-sekolah yang berlainan kawasan dengan pelbagai latar belakang agama dan kaum. Dari sudut pandang yang lain, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa peserta program mempunyai persepsi tinggi yang baik terhadap jurulatih dengan meletakkan peranan jurulatih sebagai suatu perkara yang

penting dalam membantu mereka di dalam sesebuah program. Keadaan ini juga menjelaskan secara tidak langsung bahawa peserta program meyakini dan mempercayai kemahiran dan kepakaran jurulatih dalam mengendalikan dan membantu mereka melaksanakan aktiviti berisiko tinggi yang boleh membawa kepada kemalangan dan kecederaan serius sekiranya tidak dilaksanakan dengan tepat dan betul. Interaksi sosial yang berlaku diantara pelajar ini dibantu dan diarah oleh jurulatih menuju kearah yang lebih positif. Hal ini bertepatan dengan pendapat Rourke (1973) yang mengatakan jurulatih sebagai konsultan yang lebih banyak bergaul (interaksi sosial) akan mampu memberikan cadangan lebih banyak dan bernilai berbanding dengan yang bertindak hanya sebagai konsultan yang tidak melibatkan diri dengan peserta.

Tanpa bantuan daripada jurulatih pendidikan luar yang terlibat corak interaksi sosial yang wujud juga mempunyai potensi mengarah kepada corak interaksi sosial bersifat negatif yang mampu mewujudkan ketidakstabilan dalam sesebuah pertembungan yang melibatkan pelbagai kaum, bahasa dan agama. Secara tidak langsung, dapatan yang diperolehi dari kajian ini menunjukkan hubungan dengan dapatan yang diperolehi oleh Mohd Faizal, Wan Shakirah, dan Zulkiflee (2013) yang sebelum ini menyatakan kekuatan jurulatih dalam campur tangan proses pembelajaran dapat mempengaruhi peserta program yang terlibat.

Kesimpulan

Sebagai penutup, kajian menyimpulkan bahawa peranan jurulatih dalam mempengaruhi interaksi sosial diantara peserta program merupakan perkara penting dalam mewujudkan kestabilan dan keharmonian yang diperlukan terutama dalam membina sebuah pasukan yang akan menjalani aktiviti berisiko tinggi. Dapatan kajian yang menunjukkan kekuatan hubungan jurulatih dengan interaksi sosial menerangkan bahawa semakin banyak peranan jurulatih dalam mengawal dan bergaul dengan peserta secara sistematik, maka semakin tinggi dan baiklah corak interaksi sosial yang terhasil. Keadaan ini secara tidak langsung juga mempunyai hubungkait dengan pengurusan program yang mana ia membantu peserta program itu sendiri meningkatkan kemahiran insaniah mereka melalui bantuan peranan jurulatih yang terlibat.

Rujukan

- Anuar Din & Salleh Abd Rashid. (2006). *Gaya Kepimpinan Jurulatih Dalam Program Latihan*, (2003), 1–13.
- Coe, H. A. (2016). From Excuses To Encouragements: Confronting And Overcoming The Barriers To Early Childhood Outdoor Learning In Canadian Schools. *Journal Of Childhood Studies*, 41(1), 5–15. <https://doi.org/10.18357/jcs.v41i1.15461>
- Husin Hj Deraman, Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud, & Rahmad Sukor Ab. Samad (2017). Pelaksanaan Pengurusan Pasukan Bola Sepak Untuk Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah Malaysia. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (April).
- Mohd Faizal Mohd Isa, Wan Shakirah Wan Mohd Nor, & Zulkiflee Daud. (2013). Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan : Satu Kajian Empirikal Di Jabatan Meteorologi Malaysia. *Conference On Business Management Research 2013*, 375–383.
- Roslee Bin Uyob, Muazzin Bin Mohd Mahadi (2015). Kajian Persepsi Terhadap Kredibiliti Jurulatih Luar Di Dalam Proses (P & P) Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. (Satu Analisa Ke Atas Para Pelajar Yang Mengambil Unit Beruniform Askar Wataniah Sesi Disember 2015).
- Rourke, P. G. (1973). *Consultant Role And Member Learning In The Small Experiential Group*. Yale University
- Roye Melton Frye (1963). *The Theory Of Training And The Trainer Role In The Indiana Plan Institute*. (Indiana University).
- Sarinah Binti Kasbi. (2014). *Perkaitan Antara Orientasi Matlamat Dan Stail Kepimpinan Jurulatih Dengan Prestasi Pencapaian Pasukan Bola Jaring*. Unlversiti Pendidikan Sultan Idris.

- Thomas, G. (2007). A Study Of The Theories And Practices Of Facilitator Educators, 1–216. La Trobe University. Bundoora, Victoria 3086 Australia. retrieved From https://espaceweb1.library.uq.edu.au/eserv/uq:240921/Thomas_Doctoral_Thesis.Pdf
- Wallick, W. G. (2001). Ceos' Perceptions Of Trainer Roles In Selected Multihospital Health Care Systems, 425. The Pennsylvania State University